

26hb March 2022

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang Berkepentingan,

**JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN SEMULA  
PENSIJILAN RSPO (P&C).**

Dengan sukacita kami menjemput pihak Tuan / Puan untuk menghadiri dan memberi komen di sesi rundingan seperti di atas.

**Genting Oil Mills (Sabah) Sdn Bhd** sebagai anak syarikat kepada **Genting Plantations Berhad**, telah memohon kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian semula atas piawaian pensijilan Rundingan Meja Bulat Kelestarian Minyak Sawit (RSPO P&C).

Keperluan piawaian yang akan digunakan semasa proses pensijilan adalah:

- RSPO Principle & Criteria Certification (RSPO P&C 2018) – Malaysia National Interpretation (MYNI) Nov 2019 – Mass Balance (MB).

Seperti yang dijadualkan, penilaian pensijilan tersebut akan bermula pada **26 - 28 April 2022** di pejabat syarikat seperti tertera. Jadi Tuan/Puan boleh menghantar sebarang komen jika berkenaan dalam tempoh masa bermula sekarang sehingga closing meeting pada hari terakhir penilaian.

<b>Syarikat Pemohon</b>	Genting Oil Mills (Sabah) Sdn Bhd – Genting Plantations Berhad
<b>RSPO Membership</b>	1-0086-06-000-00 (Ordinary Member)
<b>RSPO Palmtrace (RSPO PO_ID)</b>	RSPO_PO1000003778

<b>Butiran Pemohon</b>	Sivaji Raja Palanisamy <a href="mailto:sivaji.palanisamy@genting.com">sivaji.palanisamy@genting.com</a>  <b>Tel</b> : (603) 2333 6401 <b>Alamat:</b> KM20, Genting Mewah Rd, Off 75 <sup>th</sup> km, Sandakan – Lahad Datu Rd, 90200 Kinabatangan, Sabah, Malaysia.
------------------------	---

<b>Maklumat ringkas perniagaan pemohon</b>	Genting Plantations Berhad (“Genting Plantations” atau “Syarikat”) telah diperbadankan sebagai sebuah syarikat sendirian berhad pada 29 September 1977. Bermula dengan hanya 13,700 hektar di Malaysia Barat pada tahun 1980, simpanan tanah Genting Plantations telah meningkat dengan pesat kepada kira-kira 243,400 hektar pada masa ini, tersebar di Malaysia dan Indonesia. Perkembangan pesat bank tanah Genting Plantations di Malaysia berlaku terutamanya semasa dua gelombang utama pengambilalihan greenfield dan brownfield di Sabah, iaitu antara 1988 dan 1991, apabila Syarikat memperoleh 21,863 hektar, dan antara 2001 dan 2004, apabila ia memperoleh 25,706 hektar lagi.  Dari rekod, kompleks ladang Genting Mewah Oil Mill tidak mempunyai proses New Planting Procedure (NPP) dan Remediation and Compensation Plan (RaCP) yang sedang berjalan dengan RSPO.
--	---

**MAKLUMAT KILANG KELAPA SAWIT YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI**

Nama Kilang Sawit	Kapasiti Kilang	Lokasi	Rujukan GPS		Anggaran Pengeluaran Tahunan (MT)	
	MT/JAM	Alamat	Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel
Genting Mewah Oil Mill	45	KM 20, Genting Mewah Rd, Off 75 <sup>th</sup> KM, Sandakan – Lahad Datu Rd, 90200 Kinabatangan, Sabah, Malaysia	117° 042' 28.2024"	5° 030' 59.0976"	22,403.25	5,434

**RANTAIAN BEKALAN BTS YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI**

Nama Ladang / Pertubuhan	Alamat	Rujukan GPS		Ringkasan Luas (Ha)		Pengeluaran BTS Tahunan (MT)
		Longitude	Latitude	Jumlah	Ditanam	
Genting Mewah Estate	KM 20, Genting Mewah Rd, Off 75 <sup>th</sup> KM, Sandakan – Lahad Datu Rd, 90200 Kinabatangan, Sabah, Malaysia	117° 42' 28.2024"	5° 30' 59.0976"	5,580.77	4,862.93	95,333.33
<b>Jumlah</b>				<b>5,580.77</b>	<b>4,862.93</b>	<b>95,333.33</b>

Perundingan dari pihak berkepentingan adalah salah satu aktiviti utama dalam proses pensijilan, di mana semua pihak berkepentingan diminta untuk memberi pandangan yang boleh mempengaruhi keputusan samada keperluan RSPO dipatuhi.

Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif mahupun negatif melalui surat, fax atau e-mel kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd. Tuan/ Puan boleh menghadiri sesi bersama pihak berkepentingan semasa audit.

Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti berikut;

- Perlindungan alam sekitar
- Pemulihan kepelbagaian biologi
- Pengwujudan peluang pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan sokongan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil bahagian dalam membuat keputusan
- Isu-isu yang lain baik positif atau negatif yang anda fikir relevan kepada penilaian.

Sila hantar pandangan / komen anda kepada:

**Global Gateway Certifications Sdn Bhd**

**Pengurus Scheme,**  
**Global Gateway Certifications Sdn Bhd,**  
No.10, Jalan Rasmi 7,  
Taman Rasmi Jaya,  
68000 Ampang,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Telephone: +60 3 4256 2689  
Fax: +60 3 4256 2687  
Email: [jamal@ggc.my](mailto:jamal@ggc.my) / [admin@ggc.my](mailto:admin@ggc.my)



Maklumat terperinci anggota Juruaudit:

**Mohamad Razin Bin Bakal (Ketua Juruaudit)**

Mempunyai pengetahuan dan pengalaman melebihi 18 tahun dalam operasi ladang kelapa sawit termasuk pengurusan pentadbiran ladang, penyediaan budget & belanjawan, pembukaan & pembersihan hutan, penanaman baru, pengurusan nursery, penuaian, penyelenggaraan kebun, keselamatan & kesihatan, penyelenggaraan kenderaan dan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) termasuk Pengurusan Makluk Perosak Bersepadu (IPM).

Terlibat dalam pengauditan sejak 2018. Layak sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit di bawah scope MSPO 2530:2013 (PnC & SCCS), RSPO (PnC & SCCS), ISO 14001:2015 dan ISO 9001:2015. Mengikuti latihan serta memperolehi pengiktirafan seperti Sijil pengiktirafan RSPO, MSPO, Jurunilai HCV & HCS yang dikendalikan oleh SIRIM Berhad, David Ogg dan Proforest Sdn. Bhd.

Ahli pasukan audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

**Baskaran Sankaran (Juruaudit)**

Sarjana Keselamatan & Pengurusan Risiko Kesihatan dari Universiti Terbuka Malaysia, Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Program Pengurusan. Lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam pelbagai industri bekerja.

Terlibat dalam RSPO dan penilaian MSPO sejak 2014. Terlibat dalam audit yang dijalankan bagi syarikat yang berbeza di Malaysia dan Indonesia. Berkelayakan didalam audit ISO 9001: 2008 dan ISO 14001: 2004 dengan kursus Ketua audit pada tahun 2006 & 2010. Juga telah melengkapkan RSPO latihan Ketua Juruaudit pada April 2021. Berkelayakan sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit dalam beberapa program pensijilan seperti RSPO, MSPO, ISO dan lain-lain. Juga berpengalaman dalam pengurusan dan pengauditan sosial dan kebajikan pekerja melalui pengalaman dan kualifikasi di dalam program berasaskan sosial dalam pelbagai bidang industri.

Ahli pasukan audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

**Ismadi Ismail (Juruaudit)**

Beliau memiliki Diploma Pengurusan Industri Penanaman dari Institut Teknologi MARA, Kuantan Pahang. Mempunyai 24 tahun pengalaman bekerja dengan pelbagai syarikat perladangan dan kemahiran dalam Amalan Pertanian Terbaik (GAP) untuk perladangan.

Dilatih sepenuhnya dalam CoP, MSPO, RSPO dan OSHAS. Berkelayakan sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit MSPO dan CoP. Terlibat dalam penilaian MSPO sejak tahun 2017. Berkelayakan sebagai Ketua Juruaudit ISO 9001: 2015 oleh TOMC dan RSPO Endorsed Lead Auditor Course pada tahun 2019.

Ahli pasukan audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.



Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan . Sila sertakan maklumat bertulis dalam format berikut untuk kami menghubungi anda (jika perlu) untuk mendapat penjelasan terperinci mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Nama : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
E-mel : \_\_\_\_\_  
Nombor Telefon : \_\_\_\_\_  
Ringkasan Isu : \_\_\_\_\_

Komen:

Jika komen anda ingin dirahsiakan, sila tanda perkataan "SULIT" di penjuru atas borang tersebut.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,



**Muhd Jamalul Arif,**  
Pengurus Scheme,  
Global Gateway Certifications Sdn Bhd